

17/07/2002

Kaedah berkempen semakin kotor, mengaibkan

Ahmad Zaini Kamaruzzaman

JIJIK, kotor, hina dan mengaibkan. Semakin hampir hari pengundian, demikian suasana kempen pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit.

Mengapa dikatakan jijik dan kotor. Kenapa tidak, jika tohmahan dan keji mengeji serta penghinaan terhadap pemimpin serta serangan peribadi begitu berleluasa.

Perkataan babi digunakan bagi menggambarkan pemimpin, paderi besar, mendiang bagi orang Islam yang sudah meninggal dunia, ejen Yahudi, lesbian dan pelbagai tuduhan yang bertujuan untuk menang pilihan raya.

Kempen seumpama itu sebelum ini tidak begitu ketara. Seperti kelaziman, sejak penamaan calon 10 Julai lalu, ia kelihatan agak bersih walaupun penceramah Pas dan Keadilan mencaci dan menghina pemimpin dengan pelbagai gelaran yang tidak sepatutnya dikeluarkan.

Bagaimanapun, semakin hampir hari pengundian esok, suasana dan kaedah berkempen berubah secara tiba-tiba. Pelbagai risalah disebar. Yang menyedihkan, kebanyakan risalah menghina pemimpin Barisan Nasional (BN), khususnya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Tidak ketinggalan penghinaan terhadap Allahyarham Datuk Fadzil Noor, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, Datuk Seri Abdul Hadi Awang serta Ketua Penaja Puteri Umno, Azalina Othman.

Yang menghairankan, calon bertanding tidak dicerca sebegitu buruk berbanding pemimpin atau tokoh utama parti yang bertanding.

Di Pendang malam tadi, muncul risalah yang turut mengaitkan Berita Harian kononnya memetik laporan akhbar ini bagi tujuan menghina Dr Mahathir.

Berikutan itu, parti bertanding, khususnya BN yang menjadi mangsa penyebaran risalah kotor dan jijik itu terpaksa tampil mempertahankan diri dan menafikan dakwaan Pas.

Maka sibuk pula wartawan berkejar bagi menghadiri persidangan akhbar, manakala stesen televisyen menyiarkan secara langsung temu bual bagi 'membetulkan' keadaan.

Penyelaras Pilihan Raya BN, Tan Sri Muhammad Muhd Taib dan Ketua Penerangan Umno Kedah, Datuk Badruddin Amiruldin muncul di RTM seawal pagi semalam bagi memberikan penjelasan.

Muhammad kemudian memanggil sidang akhbar di ibu pejabat Umno negeri untuk menafikan risalah menghina Fadzil yang menurutnya dilakukan sendiri oleh Pas bagi mengabui pengundi.

Penghinaan dan tohmahan Pas direstui pemimpinnya. Abdul Hadi kelmarin dilaporkan berkata parti itu tidak melarang kempen seumpama itu kerana pemimpin BN menghina Islam.

Justeru, tidak hairan kenapa risalah seperti itu muncul seperti cendawan tumbuh selepas hujan. Pada masa sama 'kilang fitnah dan tohmahan' yang mencetak risalah bertugas 24 jam sehari.

Seperti lampu merah bertukar hijau di persimpangan lampu isyarat, petugas memecut laju menggerakkan jentera kilang untuk mencetak seberapa banyak risalah yang termampu.

Tidak cukup risalah penghinaan, pilihan raya ini menyaksikan sikap agresif dan kasar penyokong Pas. Mereka bukan setakat menghalang petugas BN memasang bendera atau poster, malah menghalang petugas memasuki kawasan kampung yang menjadi kubu kuat parti itu.

Malam semalam, sekumpulan petugas dan penyokong parti itu berkumpul di tengah jalan di Kampung Guar Kepayang, Pendang dan menghalang kenderaan luar memasuki kawasan mereka.

Mereka hanya membenarkan penduduk tempatan masuk jika mahu memasang poster BN, manakala petugas BN negeri lain tidak dibenarkan berbuat demikian.

Di Anak Bukit pula, dua penyokong Pas dikatakan membawa parang ketika menghalang petugas BN memasang poster di Kampung Hutan Serdang.

Sebelum itu, hampir setiap malam ada saja kejadian cabar mencabar dan bertegang leher ketika petugas memasang bendera. Bagaimanapun, syabas kepada polis yang setakat ini berjaya mengawal suasana dan tiada kejadian lebih buruk dilaporkan.

Hari ini adalah hari terakhir berkempen. Tepat jam 12 tengah malam, semua pihak perlu menghentikan aktiviti ceramah. Selepas lapan hari berkempen dengan pengundi dihamburkan pelbagai hujah, kini tiba masanya membenarkan mereka membuat pilihan.

Pilihan yang bakal dibuat pasti akan berdasarkan pemikiran waras dan rasional. Sepanjang lapan hari berkempen serta hujah yang ditampilkan parti bertanding dan berdasarkan pelbagai peristiwa yang berlaku, pengundi pasti mampu membuat pilihan yang tepat memilih wakil rakyat mereka ke DUN Kedah dan Parlimen.

Sama ada risalah kotor dan jijik serta tohmahan palsu akan menjadi pertimbangan, terserah kepada 53,128 pengundi di Pendang dan 19,399 pengundi di Anak Bukit.